



## Siaran Akhbar

### PENGELUARAN MATAWANG KENANG-KENANGAN BERSEMPENA DENGAN ULANG TAHUN KE-50 PERJANJIAN KESALINGBOLEHTUKARAN MATAWANG DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA

Rabu, 12 Syawal 1438 bersamaan dengan 5 Julai 2017

---

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, telah berkenan bersama-sama melancarkan matawang kenang-kenangan bernilai \$50 di dalam satu majlis yang diadakan bersempena dengan sambutan ulangtahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura pada hari ini, 12 Syawal 1438 bersamaan dengan 5 Julai 2017 di Istana, Singapura.
2. Dengan bertemakan **"Flourishing Growth"**, satu set matawang polimer bernilai \$50 dikeluarkan oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Monetary Authority of Singapore (MAS).
3. Warna dan rekabentuk kedua-dua matawang kenang-kenangan ini beransurkan elemen-elemen yang menunjukkan sambutan jubli emas perjanjian ini. Di sebelah hadapan matawang ini memaparkan logo ulang tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang, iaitu motif bunga yang berkembang penuh, menyatukan bunga Simpur, bunga yang terdapat di Negara Brunei Darussalam, dan bunga kebangsaan Singapura, iaitu Vanda Miss Joaquim. Motif bunga tersebut dan kelopak bunga yang mekar adalah simbol perkembangan hubungan di antara kedua-dua buah negara. Salah satu elemen unik yang terdapat di dalam matawang tersebut adalah ciri-ciri keselamatan lutsinar yang beralih warna, menggambarkan Istana Nurul Iman, Negara Brunei Darussalam dan Istana, Singapura.
4. Potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tertera di bahagian hadapan matawang \$50 Brunei Darussalam, manakala matawang \$50 Singapura memaparkan potret Presiden Pertama Singapura Yusof bin Ishak.
5. Reka bentuk di bahagian belakang pula menggambarkan kerjasama erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura dalam bidang pertahanan, pendidikan dan pelancongan. Kerjasama

dua hala dalam bidang pertahanan digambarkan melalui anggota tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Singapura. Manakala kerjasama dari segi pendidikan digambarkan melalui sekumpulan pelajar-pelajar dari kedua-dua buah negara yang melibatkan diri dalam pembelajaran rentas budaya (*cross-culture learning*) dan bertukar-tukar buah fikiran. Seterusnya, dari segi pelancongan pula, Negara Brunei Darussalam memilih Taman Negara Ulu Temburong, yang dikenali sebagai "*Green Jewel of Brunei*" manakala Singapura memilih Taman Botani Singapura, tapak warisan dunia UNESCO, sebagai lambang kepentingan perjanjian tersebut di dalam mempromosikan sektor pelancongan di kedua-dua buah negara.

6. Bersempena dengan sambutan ini, AMBD akan menjual lima set numismatik edisi khas:
  - i) **Set Matawang Kenang-Kenangan Ulang Tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang**  
Set ini mengandungi matawang kenang-kenangan \$50 Brunei dan \$50 Singapura dengan nombor siri yang sama dan *prefix* CIA. Set ini dijual dengan harga B\$300 setiap satu.
  - ii) **3-in-1 Uncut Sheet**  
Set ini mengandungi tiga keping matawang kenang-kenangan \$50 Brunei dalam satu lembaran yang tidak berpotong. Set ini dijual dengan harga B\$400 setiap satu.
  - (iii) **8-in-1 Uncut Sheet**  
Set ini mengandungi lapan keping matawang kenang-kenangan \$50 Brunei dalam satu lembaran yang tidak berpotong. Set ini dijual dengan harga B\$1,000 setiap satu.
  - (iv) **40-in-1 Uncut Sheet**  
Set ini mengandungi empat puluh keping matawang kenang-kenangan \$50 Brunei dalam satu lembaran yang tidak berpotong. Set ini dijual dengan harga B\$4,500 setiap satu.
  - (v) **Coffee Table Book**  
*Coffee table book* ini menerangkan latar belakang reka-bentuk matawang kenang-kenangan Ulang Tahun ke-50 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang, dan mengandungi satu set \$50 Brunei dan \$50 Singapura. Set ini dijual dengan harga \$138 setiap satu.
7. Orang ramai bolehlah mendapatkan set matawang kenang-kenangan numismatik bermula dari jam 2 petang hari ini, hari Rabu, 5 Julai 2017, manakala Coffee Table Book boleh didapati dari hari Jumaat, 7 Julai 2017, di Kedai Cenderamata Galeri Matawang AMBD, Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive.
8. AMBD dan MAS juga akan mengeluarkan matawang kenang-kenangan, di mana orang ramai boleh membuat pertukaran kepada satu set yang mengandungi kedua-dua \$50 Brunei dan \$50 Singapura, di dalam *folder* khas. Matawang kenang-kenangan ini akan

dapat ditukar di cawangan-cawangan Bank Baiduri, Bank of China, Hong Kong (BOCHK), BIBD, Maybank, Bank RHB, Bank Standard Chartered, UOB, dan Perbadanan TAIB mulai hari Juma'at, 7 Julai 2017.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 12 Syawal 1438 / 5 Julai 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3